

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SEMASA MENGE-
IVHJKAKAN SUATU USUL UCAPAN
TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG
TUN (DR.) V.T. SAMBANTHAN, DI DEWAN
RAKYAT PADA HARI JUMAAT, 29HB JUN,

19 7 9.

Tuan Yang Di-Pertua.

Saya mohon izin mengemukakan suatu
usul yang berbunyi:-

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan
dukacita yang amat sangat, di atas kematian Yang
Amat Berbahagia Tun V.T. Sambanthan,
Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara dan bekas
Menteri Kabinet, pada 18hb. Mei, 1979, dan
menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang Di-Pertua.

2. Adalah menjadi suratan takdir bahawa tiap-tiap yang bernyawa dimuka bumi ini, akan mati.

3. Sekalipun saya sedar di atas hakikat ini, tetapi kematian Mendiang Tun V.T.Sambanthan, pada hari Jumaat, 18hb.Mei, lalu, telah mengejutkan

saya.Sesungguhnya,merupakan kehilangan besar

negara,terutama kepada rakyat keturunan India.

Tuan Yang Di-Pertua.

"Harimau mati meninggalkan belang,

Manusia Mati meninggalkan nama."

4. Sebagai salah seorang veteran politik yang tertua, Mendiang Tun Sambanthan telah banyak membuat jasa, menyumbangkan tenaga dan fikiran, dalam perjuangan Kemerdekaan tanahair, pembangunan negara dan perpaduan rakyat.

5. Di bawah pimpinannyalah, MIC telah menyertai UMNO dan MCA dalam Perikatan,

dalam usaha menyatu-padukan tiga kaum yang terbesar di tanahair. Penyatuan berbilang kaum, merupakan syarat utama yang dikenakan oleh Kerajaan British bagi mencapai Kemerdekaan. Mendiang Tun Sambanthan telah mengambil bahagian dalam rundingan-rundingan dalam pertengahan tahun-tahun lima puluhan, kerana menuntut Kemerdekaan, dan penubuhan Malaysia dalam awal tahun-tahun enam puluhan. Hasil penyertaan dan pengorbanannya, adalah bukti yang dapat kita semua lihat sehinggakan ke hari ini.

6. Sebagai salah seorang Menteri Kabinet yang terkanan selepas Merdeka, Mendiang Tun Sambanthan telah berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerjaraya, Pos dan Talikom, dan kemudiannya menjadi Menteri Tugas-Tugas Khas, Penerangan dan Perpaduan Negara.

7. Mendiang Tun Sambanthan adalah seorang pemimpin yang jujur, ikhlas dan berpandangan jauh. Sifatnya yang lemah lembut dan air muka yang sentiasa riang, telah menawan hati setiap rakyat.

Mendiang telah memimpin MIC dari tahun 1955 hinggalah tahun 1974,

8. Pekerja-pekerja estet_B tetap menjunjung tinggi khidmat bakti dan pandangan jauhnya, kerana dengan dayausahanya yang gigih, mereka telah berjaya memiliki ladang getah, kelapa sawit, kelapa dan koko secara Koperasi. Mendiang Tun Sambanthan, sehingga akhir hayatnya, telah mengabdikan dirinya terhadap kepentingan

dan kebajikan rakyat golongan miskin ini, dan perpaduan negara.

9. Sebagai Pengerusi Majlis Perpaduan Negara, Mendiang Tun Sambanthan, telah menunaikan tugas dan kewajipannya dengan penuh semangat dedikasi. Hasrat dan cita-citanya, bagi mewujudkan perpaduan yang berkekalan, di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berlainan agama, adat resam dan kebudayaan, adalah dibuktikan dalam program dan rancangan, yang diselenggara dan dilaksanakan oleh Lembaga Perpaduan Negara sehingga sekarang ini.

10. Khidmat bakti, jasa cemerlang dan budi pekerti yang baik Mendiang Tun

Sambanthan akan tetap dikenang. Nama dan kegiatan pentingnya, akan dicatat dalam sejarah dan diingati oleh anak-cucu kita.

11. Jenerasi-jenerasi yang akan datang sewajarnya mewarisi sifat-sifat terpuji setiap negarawan dan perwira negara yang telah pergi. Saya berharap kepada balu, putri dan sekelian keluarga Mendiang Tun Sambanthan, supaya bertabah hati serta bersabar dalam menghadapi saat-saat pilu dan terharu, serta dalam apa jua cubaan dan dugaan.

Tuan Yang Di-Pertua.

Sava mohon izin.



No. Siri	448
No Penerimaan	76/81